

28/10/2000

Saingan kelayakan tempatan Piala Isa didakwa tidak sah

Hussain Said

BELUMPUN Kejohanan Jemputan Sedunia Antara Regu Merebut Piala Isa disingkap tirainya 21 November depan, kontroversi mengenainya sudah kedengaran apabila terdapat dakwaan saingan kelayakan regu tempatan sempena pertandingan itu tidak sah.

Semuanya, kerana saingan kelayakan itu yang dijadualkan dua hari lebih awal bagi memilih empat regu tempatan beraksi dalam pertandingan antara regu Asean dalam Piala Isa tidak mendapat kelulusan Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM).

Setiausaha Jawatankuasa Pertandingan PSM, Azmi Shaari berkata, saingan kelayakan itu bertembung dengan pusingan akhir Grand Prix (GP) Kebangsaan di Kelantan dari 15 hingga 19 November depan.

"Sekiranya mengikut perlembagaan PSM, sebarang pertandingan yang membabitkan ahli gabungan perlu mendapat kelulusan daripada badan induk.

"Dalam kes Piala Isa, hanya pertandingan itu yang mendapat kelulusan, sementara saingan kelayakan regu tempatan tidak dikemukakan penganjur (Persatuan Sepak Takraw Negeri Sembilan) untuk kelulusan.

"Kesimpulannya, saingan kelayakan regu tempatan itu tidak sah. Lagipun, saingan kelayakan itu bertembung dengan pusingan akhir GP di Kelantan sekali gus menjejaskan kemeriahan final musim ini.

"Malah, pertembungan tarikh itu menyaksikan pemain berada dalam keadaan tersepit kerana perlu memilih sama ada mewakili majikan masing-masing yang sudah mengesahkan penyertaan dalam saingan kelayakan itu atau mewakili negeri dalam final GP," katanya semalam.

Terdahulu, saingan kelayakan regu tempatan bakal diadakan di Kompleks Sukan, Paroi Seremban dari 18 hingga 20 November depan, dijangka menarik perhatian regu terbaik negara berdasarkan hadiah wang tunai keseluruhan RM10,000 yang disediakan penganjur.

Faktor tarikan lain yang memungkinkan saingan sengit berlaku ialah empat regu tempatan terbaik dengan keupayaan layak ke separuh akhir bakal membawa cabaran regu negara ke perlawanan antara regu Asean dari 21 hingga 24 November dengan segala pembiayaan ditanggung penganjur.

Setakat ini lapan regu sudah mengesahkan penyertaan dengan didahului Umno Selangor (empat regu), Bomba (dua) dan gabungan bank tempatan (dua).

Penyertaan dijangka terus meningkat sebelum tarikh tutup penyertaan pada 10 November depan berdasarkan prestij kejohanan itu yang menawarkan pelbagai hadiah menarik.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa Pertandingan PSM, Mahathir Mohamad, meminta PSTNS mendapatkan kelulusan daripada PSM dan meminda tarikh saingan kelayakan itu.

"Saya minta Presiden PSTNS, Ramli Harun mencari tarikh baru pertandingan kelayakan regu tempatan. Dalam hal ini, Piala Isa tidak terjejas tetapi saingan kelayakan regu tempatan itu perlu dipinda," tambahnya.

(END)